

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 DISEMBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31

Petronas rekod 10 penemuan hidrokarbon di Malaysia tahun ini

Petronas rekod 10 penemuan hidrokarbon di Malaysia tahun ini

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Petronas dan kontraktor pengatur petroleum (PAC) di bawahnya merekodkan sejumlah 10 penemuan hidrokarbon di Malaysia sepanjang tahun ini, susulan peningkatan aktiviti cari gali di negara ini.

Sebanyak lapan penemuan minyak dan gas telah dibuat di luar pesisir pantai Sarawak, dan masing-masing satu di luar pesisir pantai Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Penemuan minyak terbesar telah dibuat oleh Petronas Cari Gali Sdn. Bhd. di telaga Nahara-1 di Blok SK306 dalam wilayah Balingian, Sarawak.

Syarikat minyak dan gas negara itu memaklumkan, penemuan juga dibuat di wilayah Luconia Tengah, Luconia Barat dan Baram Sarawak yang merupakan antara lembangan paling prolifik di Malaysia dan me-

tempatkan banyak medan gas di negara ini.

"Di Central Luconia, Sarawak Shell Berhad membuat penemuan di telaga Inai-1 dan Temu-1 di Blok MLNG, manakala Mubadala Energy menemui lebih banyak gas di Blok SK320 di telaga Cengkih-1.

"Di wilayah Luconia Barat, ConocoPhillips menggerudi tiga telaga penerokaan di Blok WL4-00 dan menemui gas di telaga Gagau-1 manakala telaga Salam-3 dan Benum-2 mengesahkan lanjutan pengumpulan minyak dan gas di blok besar bersebelahan.

"Sementara itu, di wilayah Baram yang telah matang, PT-TPEP HK Offshore Limited membuat satu lagi penemuan gas di Blok SK410B melalui telaga Paprika-1, yang mana Lang Lebah gergasi itu juga ditemui pada 2019," menurut kenyataan.

TotalEnergies EP Malaysia turut membuat penemuan minyak dan gas di perairan ultra



PENEMUAN minyak terbesar dibuat Petronas Cari Gali di telaga Nahara-1 dalam wilayah Balingian, Sarawak. - GAMBAR HIASAN

dalam Sabah di telaga Tepat-2 di Blok N dalam wilayah Sabah Trough yang sedang berkem-

bang, meneruskan penemuan minyak dan gas terdahulu di Tepat-1 pada 2018.

Dalam pada itu, di luar pantai Semenanjung Malaysia pula, Hess EP Malaysia B.V. menemui takungan gas baharu di telaga Bergading Deep-4 di Blok PM302 dalam Lembangan Melayu Utara.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Pengurusan Petroleum Malaysia (MPM) Petronas, Mohamed Firouz Ansan berkata, 2022 merupakan tahun yang baik untuk penerokaan di Malaysia.

"Saya gembira dengan peningkatan aktiviti penerokaan di mana sebanyak 16 telaga telah siap dengan dua lagi sedang berjalan, sekali gus menggandakan angka dicatat pada 2021. Nisbah kejayaan 60 peratus kami mengesahkan sifat prolifik lembangan Malaysia.

"Kebanyakan penemuan boleh menjana pendapatan dengan cepat pada kos yang lebih rendah memandangkan ia berdekatan dengan rangkaian luas infrastruktur sedia ada." ujarnya.